

14 MAR 1996

MESYUARAT MB DAN KM MENGENAI SALIRAN DAN PERPARITAN

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri perlu mengadakan kajian mengenai saliran dan perparitan di setiap projek perumahan bagi mengelakkan kejadian banjir dan tanah runtuh.

Perkara itu dibangkitkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mempengerusikan mesyuarat ke-75 menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu menyatakan bahawa antara perkara lain yang dibincangkan ialah usaha mengawal inflasi termasuk meneruskan Kempen Inflasi Sifar.

Perdana Menteri juga mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri tentang perlunya menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah melalui penstabilan harga serta mempercepatkan proses pengeluaran sijil kelayakan menduduki rumah oleh pihak berkuasa tempatan dan pengeluaran hak milik strata.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Sarawak diwakili oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Wong Soon Wai.

Beberapa menteri kabinet juga menghadiri mesyuarat itu bagi membolehkan perkara-perkara berbangkit dibincangkan bersama untuk memudahkan penyelarasan projek pada peringkat negeri. -- BERNAMA

ARA NMO